

Arahan: Baca petikan di bawah. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam petikan, lengkapkan syair tersebut.



Merdunya Alunan

Usaha bersungguh tanpa henti,
Pasti kejayaan akan dikecapi.

Mengganti rakan hilang suara,
Bersyair dia tidak berkira.

Mendengarkan syair tidaklah kelu,
Mendapat pujian bertalu-talu.

Walau gagal kemenangan diperolehi,
Hadimya diri ramai yang sedari.

Beza budaya tiada erti,
Budaya bangsa sama dihargai

Sebulan telah berlalu. Namun, peristiwa manis menyertai pertandingan mendengarkan syair tidak pernah dilupakan oleh Jia Wei. Walaupun dia hanya bidan terjun, namun dia berusaha juga membuat persembahan yang terbaik sehingga mendapat pujian banyak pihak.

“Saya amat menghargai usaha awak, Jia Wei,” kata Cikgu Marina. “Walaupun awak berbangsa Cina, namun awak dapat mendengarkan syair dengan begitu baik,” puji beliau pula.

“Saya sudah lama meminati puisi tradisional. Kebetulan Nadia, yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu, kehilangan suara pada saat-saat akhir. Saya menggantikan tempat Nadia, cikgu,” jawab Jia Wei dengan jujur.

Cikgu Marina dan Cikgu Siti Fatimah mengukir senyuman ke arahnya. Jia Wei bukan sahaja baik malahan bijak. Walaupun dia tidak memenangi pertandingan itu, namun penyertaannya membuka mata banyak pihak.

Sikap Jia Wei patut dijadikan contoh oleh rakyat Malaysia yang lain. Perbezaan budaya, bahasa, pegangan agama dan lain-lain tidak menghalang kita untuk menghargai kebudayaan kebangsaan.

Jia Wei berazam agar dia akan menyertai pertandingan syair lagi pada masa akan datang. Dia ingin mencipta sejarah tersendiri untuk menjuarai pertandingan mendengarkan syair di sekolah itu. Dia sedar bahawa usaha yang bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil.

Syair Kenangan Manis

Sebulan sudah masa berlalu,
Kenangan manis teringat selalu,

Guru berasa sungguh gembira,
Murid berbakat bakal juara,

Guru tersenyum wajah berseri,
Melihat murid bijak bestari,

Azam ditanam dalam hati,
Pertandingan syair akan diikuti,

Sikap positif patut dicontohi,
Cabaran muncul sanggup diredahi,

